

SEBELUM DAN SESUDAH IJAB & KABUL PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG. Oleh Zainul Rijal Abu Bakar dan Nurhidayah Muhammad Hashim. Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, Kuala Lumpur. ISBN 978-976-460-730-2

Berkahwin dan membina keluarga bahagia adalah impian semua orang. Walau bagaimanapun, dalam mana-mana institusi keluarga dan perkahwinan tiada siapa akan terlepas daripada dugaan dan cabaran. Seperti melayari sebuah bahtera yang sesekali tetap dipukul badai gelombang. Malah, peribahasa Melayu ada menyebut, senduk dan periuk lagi berantuk.

Inti pati buku ini ditulis oleh dua orang penulis, iaitu Zainul Rijal Abu Bakar yang merupakan Presiden Peguam-peguam Muslim dan Nurhidayah Muhammad Hashim seorang pensyarah undang-undang Keluarga Islam di Universiti Teknologi Mara. Buku ini menawarkan pengisian ilmu yang komprehensif berkenaan dunia perkahwinan bermula daripada saat sebelum melangsungkan perkahwinan sehinggalah sesudah berkahwin. Turut juga mengupas soal permasalahan suami isteri, hak dan tanggungjawab, penyelesaian dari aspek persediaan sebelum perkahwinan, semasa perkahwinan juga pascaperkahwinan. Buku setebal 212 halaman ini mengandungi 6 bahagian secara keseluruhannya, diolah dan disusun dengan penulisan yang sangat kemas dengan memberi gambaran kepada pembaca mengenai perihal erti sesebuah perkahwinan dan juga pemahaman tentang undang-undang keluarga Islam turut dikupas. Setiap bahagian terdapat subtopik perbincangan yang menarik untuk dibaca.

Bahagian satu bertajuk *Pilih Pasangan* mengupas berkaitan sesebuah perkahwinan itu diandaikan seperti membina sebuah masjid. Masjid yang kukuh dan indah, penuh dengan syiar-syiar Islam dan menjadi tempat penghuni-penghuninya mendapat perlindungan dan keamanan. Maka proses pemilihan pasangan sebelum berkahwin sangat penting untuk menentukan kebahagiaan seseorang. Bab ini turut mengupas peri pentingnya ilmu sebelum melayari sesebuah bahtera perkahwinan. Penting bagi suami dan isteri mengetahui hak dan tanggungjawab mereka sebagai suami isteri menurut undang-undang yang berkuat kuasa. Mengetahui hak masing-masing berdasarkan undang-undang merupakan bonus yang baik untuk semua pasangan. Isu pengantin di bawah umur dan berkahwin dengan pesakit HIV juga dikupas dan diolah dengan tulisan yang sangat menarik untuk dibaca. Adakah wajar seorang yang sihat memilih untuk berkahwin dengan seorang yang telah diketahui HIV positif? Penulis menerangkan sekiranya telah diketahui akan datang bahaya sekiranya kita melakukan sesuatu perkara, maka jangan sama sesekali kita terjun ke dalamnya. Ia akan merosakkan diri. Turut juga dikupas berkaitan dengan adab-adab bertunang dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam mengenai putus tunang atau mungkir janji untuk berkahwin.

Bahagian dua pula mengupas tentang *Awal Perkahwinan*. Di bahagian ini menceritakan kedudukan wali bagi perkahwinan seorang anak dan siapakah yang dikatakan wali serta apakah hikmah syariat meletakkan wali dalam urusan perkahwinan. Undang-undang Keluarga Islam dalam negara kita mengutamakan pendapat Mazhab Syafii sebagai panduan. Ini bermakna wali adalah syarat penting dalam setiap perkahwinan yang boleh menentukan sah atau batalnya sesuatu akad nikah yang dijalankan. Penulis juga ada menyentuh isu nikah di Thailand dan masalah selepas kahwin lari yang pastinya mengundang pelbagai masalah di kemudian hari. Keazaman membina keluarga sejahtera juga turut disentuh dalam bahagian ini. Berdasarkan

laporan mengatakan satu perceraian berlaku setiap 10-15 minit dalam kalangan orang Islam di Malaysia. Ramai dikatakan memilih perceraian walaupun usia perkahwinan masih pada tahap awal, iaitu bawah daripada lima tahun. Justeru, sekiranya kita mahu negara kita mempunyai generasi masa depan yang berjaya dari segi keilmuan, kemodenan dan kebendaan, ia juga mesti datang dengan kekuatan rohani dan emosi. Tugas terpenting yang perlu dibuat oleh semua adalah membina dan menjaga kebahagiaan keluarga yang ada yang menjadi istana bahagia buat anak-anak dan sentiasa bersyukur dengan rumah tangga yang ada dan berusaha untuk mempertahankannya.

Hubungan dan Hak Pasangan yang ditulis oleh penulis dalam bahagian seterusnya menitikberatkan hak dan tanggungjawab bersama antara dua pasangan. Tanggungjawab mendidik isteri yang terletak di bahu suami juga diperincikan sehingga dalam keadaan isteri melakukan perkara yang menyimpang dan berlawanan dengan agama pun diberikan garis panduan bagaimana menanganinya. Malah tanggungjawab suami yang amat penting dalam menjaga kebajikan isteri dan keluarga adalah urusan pemberian nafkah turut dikupas. Hubungan suami isteri bukanlah seperti hubungan kerjasama untuk membuat sebuah syarikat usaha sama, bahkan ia melibatkan hubungan perasaan dan juga kasih sayang. Di dalam bahagian ini, penulis juga menjelaskan tentang 11 tindakan yang perlu diambil sekiranya isteri didera oleh suaminya secara terperinci. Isteri yang didera wajar mencari jalan menyelamatkan dirinya. Jika penderaan selalu berlaku selepas pergaduhan, maka usahalah untuk meningkatkan seni komunikasi berkesan demi kesejahteraan rumah tangga. Hak poligami bagi seorang isteri turut diterangkan dalam bahagian ini. Tiada guna mendabik dada mempunyai isteri yang ramai, tetapi kehidupan seharian porak-peranda. Poligami seharusnya bukanlah suatu kelaziman ia hanya merupakan suatu pengecualian kepada suatu hubungan perkahwinan.

Bahagian keempat di dalam buku ini berkisar tentang *Masalah Dalam Perkahwinan*. Huraian di dalam bab ini agak panjang rentetan pelbagai isu yang dibawa oleh penulis. Perceraian bukanlah suatu perkara yang diidamkan oleh mana-mana pasangan suami isteri. Namun begitu, jika tiada pilihan lain, perceraian mungkin menjadi pilihan terbaik antara pasangan suami isteri. Amatlah penting bagi pasangan suami isteri mengetahui dari sudut undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia berkaitan jenis-jenis pembubaran perkahwinan yang dibenarkan oleh undang-undang. Turut diterangkan jenis-jenis perceraian di Mahkamah Syariah iaitu *talaq*, pengesahan *talaq*, *ta'liq*, fasakh, *li'an* dan tebus *talaq*. Permasalahan lain yang turut dibincangkan juga ialah berkaitan dengan cerai melalui SMS. Merujuk kepada Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan telah memfatwakan *talaq* dalam bentuk tulisan yang jelas daripada suami ditujukan kepada isterinya secara khusus seperti melalui faksimile, SMS, emel dan sebagainya merupakan *talaq* berbentuk kinayah dan adalah sah sekiranya disertai dengan niat. Segala masalah yang melanda sesebuah perkahwinan mestilah ditangani dengan bijak agar rumah tangga yang dibina akan berlangsung dengan baik dalam rahmat Allah swt.

Dalam bahagian ini turut disentuh tentang kesan cerai perkahwinan antarabangsa. Dewasa ini, semakin ramai ahli masyarakat Islam negara kita yang mengamalkan perkahwinan campur. Ada yang berkahwin campur antara kaum, seperti orang Melayu berkahwin dengan Cina Muslim atau dengan India Muslim. Tidak sedikit pula yang berkahwin antara negara seperti rakyat Malaysia berkahwin dengan orang Arab, orang Inggeris dan sebagainya sama ada mereka tinggal di dalam

negara kita ataupun tinggal di luar Negara. Pelbagai masalah boleh timbul jika perkahwinan yang dilangsungkan itu tidak berpanjangan. Antara isu yang besar adalah berkenaan kedudukan kewarganegaraan anak-anak hasil perkahwinan tersebut, hak penjagaan anak serta mengurus anak dan isu harta yang diperoleh semasa perkahwinan tersebut. Isu lain yang disentuh oleh penulis ialah apabila salah satu pasangan bukan Islam memeluk Islam. Dari sudut undang-undang seperti diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan sekiranya pemeluk Islam itu telah berumur 18 tahun ke atas dan belum berkahwin maka mereka boleh membuat keputusan secara sendiri dan bertanggungjawab di atas tindakannya. Manakala bagi kanak-kanak bawah umur 18 tahun, ibu atau bapa atau penjaga sah mereka boleh menentukan agama kanak-kanak tersebut. Walau bagaimanapun hubungan muallaf dengan keluarga asal mereka tidak terputus walaupun berbeza agama.

Bahagian kelima di dalam buku ini menyentuh tentang *Apabila Mempunyai Anak*. Anak-anak adalah cahaya yang menyinari hidup sesebuah rumah tangga. Mempunyai anak adalah cita-cita bagi pasangan yang berkahwin. Apatah lagi bagi mereka yang baru memulakan hidup berumah tangga, kelahiran cahaya mata memang ditunggu-tunggu sebagai lambing kasih sayang. Anak-anak boleh menjadi cahaya yang bersinar terang dan menerangi kehidupan ibu bapa sekiranya dididik dengan baik dan membesar sebagai anak yang soleh yang takutkan Allah. Anak yang dididik dengan baik akan mendapat ilmu berguna untuk membantunya membina kehidupan masa depan. Anak yang didedahkan dalam suasana Islam dan sentiasa menerima pendidikan Islam akan lebih mudah tertanam di jiwanya rasa cinta kepada agama dan takut melakukan maksiat. Anak-anak perlu diberi kasih sayang yang secukupnya. Tiada istilah pilih kasih dalam mendidik anak-anak. Menghadapi anak-anak dengan kasih sayang yang terpilih dan berbeza-beza akan menyukarkan usaha mendidik mereka. Justeru, ibu bapa perlu adil dalam memberi kasih sayang dan didikan serta perlu selalu menambah ilmu keibubapaan agar usaha mendidik anak-anak akan lebih berjaya.

Nafkah anak sering menjadi isu selepas pasangan bercerai. Dalam undang-undang, secara dasarnya tugas memberi nafkah anak diletakkan di bahu bapa. Ini boleh dilihat dalam Seksyen 73 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor yang menyatakan dengan jelas bahawa kewajipan bapa menanggung nafkah anak. Ia melibatkan makanan, pakaian, tempat tinggal, pendidikan dan perubatan kecuali ada apa-apa perjanjian atau ada perintah mahkamah memperuntukkan selainnya. Adalah sangat penting kedua pasangan yang bercerai meletakkan kebajikan anak mereka di atas walaupun di antara mereka sudah tidak bergelar suami isteri lagi. Kaedah menghukum anak juga turut disentuh oleh penulis di dalam bab ini. Hakikat yang wajar kita perhatikan adalah Islam tidak pernah menggalakkan ibu bapa atau guru-guru memukul kanak-kanak apatah budak kecil yang perlukan tunjuk ajar, kasih sayang dan belaian. Ibu bapa juga tidak boleh memukul anak yang belum mumaiyiz. Keutamaan dalam menangani masalah anak ialah dengan menggunakan kaedah psikologi, kasih sayang dan penghargaan. Rotan hanya perlu digunakan sebagai jalan terakhir itu pun sekadar rotan yang ringan dan tidak mencederakan yang bertujuan untuk mendidik anak. Justeru, mendidik anak-anak bukanlah tugas yang mudah tetapi ibu bapa perlu dibajai dengan ilmu dan kesabaran yang tinggi.

Bahagian terakhir menyentuh hal-hal *Apabila Berlaku Kematian*. Lazimnya apabila pasangan Islam itu mendirikan rumah tangga sudah pastilah harapan tinggi menggunung “masjid” yang dibina akan kekal hingga ke syurga. Namun hakikatnya tidak semua pasangan itu bahagia, terdapat pelbagai liku hidup dilalui di dalam melayari bahtera perkahwinan. Tidak kurang juga suatu perkahwinan itu berakhir dengan perceraian atau kematian satu pihak. Harta yang ditinggalkan oleh si mati akan diuruskan oleh pasangan yang masih hidup. Terdapat pelbagai instrumen pembahagian harta yang terdapat dalam Islam. Ia tidak terhad kepada hukum faraid sahaja. Namun segala instrument yang digunakan mestilah dipastikan ianya tidak melanggar hukum syarak terlebih dahulu bagi mengelakkan kesusahan setelah meninggal dunia. Uruskanlah harta kita dengan penuh kebijaksanaan semasa kita hidup dan tinggalkanlah ia juga dengan kebijaksanaan untuk dinikmati ahli waris dan semua yang berkenaan dengan adil. Jika semasa hidup kita inginkan sebuah keluarga yang bahagia biarlah kebahagiaan tersebut juga terus dinikmati oleh keluarga kita walaupun setelah ketiadaan kita kelak. Oleh itu, merancang pusaka dengan penuh hikmah akan dapat mengelakkan perpecahan setelah ketiadaan kita kelak.

Kematian bukanlah suatu yang ditunggu-tunggu oleh kebanyakan manusia. Namun mati itu pasti. Cuma kita sebagai hamba-Nya tidak tahu bilakah malaikat maut akan datang untuk mencabut nyawa kita. Ia kekal menjadi rahsia Allah SWT sehinggalah selamanya. Apa yang perlu kita lakukan ialah membuat persediaan yang perlu bagi menghadapi kematian yang pasti itu. Setelah dikebumikan si mati akan ditinggalkan di dalam kuburnya berseorangan. Tiada lagi harta saudara mara dan pangkat menemaninya. Namun sebenarnya anak-anak yang soleh masih lagi boleh berhubung dengan si mati dengan menitipkan doa-doa kebaikan buat ayah bondanya yang telah meninggal dunia. Hubungan ini masih berterusan walaupun sesudah kematian iaitu ibu dan ayah. Amal jariah si mati yang sudah tidak lagi boleh diteruskan agar pahalanya dapat dinikmati oleh si mati yang sudah tidak lagi berupaya melakukan amal soleh. Oleh itu, jagalah hubungan kita dengan saudara mara semasa mereka masih hidup malah sesudah mereka meninggal dunia pun teruskanlah hubungan tersebut dengan perkara-perkara yang bermanfaat kepada si mati itu.

Rumah tangga yang dipenuhi dengan kasih sayang dan reda Allah SWT sebenarnya bermula dengan pemilihan pasangan. Pemilihan pasangan berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh Islam menjadi punca utama dalam menentukan kebahagiaan sesebuah rumah tangga. Ilmu kekeluargaan yang meliputi semua aspek amat penting dipelajari oleh setiap pasangan agar dapat melayari bahtera rumah tangga dipandukan dengan iman dan ilmu yang digarap tadi. Justeru, kebahagiaan sesebuah rumah tangga itu terletak bagaimana pasangan tersebut mengemudi bahtera perkahwinan itu. Merekalah yang mencorakkannya sama ada bahagia atau tidak.

Norita Kamaruddin

Jabatan Syariah

Fakulti Syariah dan Undang-undang

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor